

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 24****TATACARA PENYENARAIAAN BAGI PENYENARAIAAN ASING**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 3 Ogos 2009	Perenggan 4A.06 dan 4A.20
Tarikh semakan: 25 Mac 2013, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018, 9 April 2018	

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai kehendak-kehendak yang berikut berhubung dengan perbadanan asing, skim pelaburan kolektif asing atau amanah perniagaan asing yang memohon penyenaiaan utama, dan perbadanan, skim pelaburan kolektif atau amanah perniagaan yang memohon penyenaiaan kedua, di Pasaran Utama di bawah perenggan 4A.06 dan 4A.20 masing-masing:
- (a) tatacara penerimaan masuk;
 - (b) borang permohonan penyenaiaan dan sebut harga (jika berkenaan) dan dokumen sokongan;
 - (c) aku janji dan pengesahan oleh pemohon dan pengarahnya; dan
 - (d) kehendak-kehendak lain yang berkenaan.

BAHAGIAN I PERMOHONAN PENYENARAIAAN BAGI PENYENARAIAAN UTAMA**2.0 Tatacara yang berhubung dengan penerimaan masuk**

- 2.1 Tatacara yang berhubung dengan penerimaan masuk yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 Nota Amalan 21 terpakai bagi permohonan untuk penyenaiaan utama di Pasaran Utama.

3.0 Borang permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan

- 3.1 Pemohon yang memohon penyenaiaan utama di Pasaran Utama mesti memfailkan dengan Bursa suatu permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan itu, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN21-A, Bahagian A Lampiran PN23-A atau Bahagian A Lampiran PN23-E, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

Nota Amalan 24
Tatacara Penyenaian Bagi Penyenaian Asing

- (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN21-A, Bahagian B Lampiran PN23-A atau Bahagian B Lampiran PN23-E, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Bahagian B Lampiran PN24-A.

4.0 Aku janji dan pengesahan

- 4.1 Pemohon yang memohon penyenaian utama di Pasaran Utama mesti memberikan kepada Bursa aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-B, Lampiran PN23-B atau Lampiran PN23-F, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 4.2 Pemohon yang memohon penyenaian utama di Pasaran Utama mesti memastikan bahawa -
- (a) tiap-tiap seorang daripada pengarahnya memberikan kepada Bursa aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-C, Lampiran PN23-C atau Lampiran PN23-G, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) tiap-tiap pengarah yang dilantik atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberikan kepada Bursa surat dalam bentuk Lampiran PN21-D, Lampiran PN23-D atau Lampiran PN23-H, mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN II PERMOHONAN PENYENARAIAAN BAGI PENYENARAIAAN KEDUA

5.0 Tatacara yang berhubungan dengan penerimaan masuk

- 5.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penerimaan masuk pemohon yang memohon penyenaian kedua di Pasaran Utama, dengan ubah suaian yang perlu, sebagaimana yang berkenaan:
- (a) pemohon mengemukakan suatu permohonan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di tempat pemerbadanan dan bursa saham lain ("**Pihak Berkuasa yang Berkenaan**") dan SC, sekiranya dikehendaki di bawah undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkenaan;
- (b) Pihak Berkuasa yang Berkenaan dan SC meluluskan penyenaian itu;
- (c) pemohon memfailkan dengan Bursa perlembagaannya berserta dengan surat pematuhan yang disertakan dengan senarai semak yang menunjukkan pematuhan;
- (d) pemohon memfailkan salinan akhir prospektus dengan Pihak Berkuasa yang Berkenaan;
- (e) pemohon -
- (i) mengeluarkan prospektus dan tempoh tawaran dibuka, jika penyenaian itu merangkumi tawaran sekuriti kepada awam;
- (ii) mengiklankan prospektus; dan
- (iii) mengemukakan kepada Bursa bilangan salinan prospektus bercetak sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- (f) pemohon memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian berserta dengan dokumen sokongan;
- (g) Bursa memberi kelulusan secara prinsip bagi penerimaan masuk sekuriti;

**Nota Amalan 24
Tatacara Penyenaiaan Bagi Penyenaiaan Asing**

- (h) jika penyenaiaan itu merangkumi tawaran sekuriti, pemohon mengumumkan tahap langganan dan asas penguntungan;
- (i) pemohon mengeluarkan sekuriti dan notis pengumpulan;
- (j) pemohon memfailkan dengan Bursa permohonan sebut harga berserta dengan dokumen sokongan; dan
- (k) sekuriti diterima masuk dalam Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa 2 hari pasaran genap selepas penerimaan permohonan sebut harga berserta dengan dokumen dan pengesahan yang diperlukan dan ia didapati lengkap dalam semua aspek.

6.0 Permohonan penyenaiaan dan sebut harga

- 6.1 Pemohon mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
 - (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN24-A, ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemohon; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN24-A.
- 6.2 Pemohon juga mesti memfailkan dengan Bursa permohonan sebut harga yang disertakan dengan -
 - (a) dokumen yang dinyatakan dalam Bahagian C Lampiran PN24-A; dan
 - (b) pengesahan bahawa tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga sekuriti itu termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang.

7.0 Aku janji dan pengesahan

- 7.1 Pemohon mesti memberikan kepada Bursa aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-B, Lampiran PN23-B atau Lampiran PN23-F, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 7.2 Pemohon mesti memastikan bahawa tiap-tiap seorang daripada pengarahnya memberikan kepada Bursa aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-C, Lampiran PN23-C atau Lampiran PN23-G, mengikut mana-mana yang berkenaan.

8.0 Pemberitahuan/Pengiklanan sekuriti yang ditetapkan oleh Bursa untuk didepositkan dengan Depositori

- 8.1 Pemohon mesti mematuhi perenggan 5.0 Nota Amalan 21 berhubung dengan penetapan dan mendepositkan sekuriti seseorang pemohon, seolah-olah pemohon itu ialah pemohon yang disebut dalam perenggan 5.0 itu.

9.0 Penyenaiaan sekuriti yang diterbitkan dan yang belum terbit

- 9.1 Pemohon mesti memohon kelulusan secara prinsip untuk menyenaiaan hanya -
 - (a) bahagian sekuriti yang telah diterbitkan; dan

**Nota Amalan 24
Tatacara Penyenaraian Bagi Penyenaraian Asing**

- (b) sekuriti yang akan diterbitkan berkaitan dengan permohonan penyenaraian.
- 9.2 Sekiranya amaun tambahan yang belum diterbitkan dirizabkan bagi penerbitan berikutnya bagi maksud tertentu, pemohon mesti memohon kelulusan secara prinsip untuk menambahkan amaun itu ke Senarai Rasmi pada masa hadapan bagi maksud tertentu itu.
- 9.3 Pemohon tidak boleh memohon kelulusan secara prinsip bagi penyenaraian mana-mana sekuriti yang tidak dirizabkan bagi penerbitan berikutnya bagi sesuatu maksud tertentu.
- 9.4 Pemohon mesti mengemukakan permohonan bagi sebut harga bagi amaun yang dirizabkan itu yang baginya kelulusan secara prinsip telah diberikan menurut subperenggan 9.1 di atas, apabila penerbitan sebenar amaun itu mengikut peruntukan Nota Amalan 25.

10.0 Klasifikasi pemohon penyenaraian kedua

Perenggan 7.0 Nota Amalan 21 terpakai bagi pemohon yang memohon penyenaraian kedua di Pasaran Utama, dengan ubah suaian yang perlu.

Lampiran PN24-A
Permohonan penyenaiaan bagi penyenaiaan utama/kedua

LAMPIRAN PN24-A

BAHAGIAN A

Kandungan permohonan penyenaiaan bagi penyenaiaan kedua
(perenggan 6.1(a))

Tajuk muka surat yang menunjukkan -

- (a) nama pemohon dan bila dan di mana ia diperbadankan;
- (b) alamat pejabat berdaftar utama dan alamat setiap pejabat yang daftar syer atau daftar pemegang unit disimpan;
- (c) kelas sekuriti yang dicadangkan bagi penyenaiaan dan nilai par (jika ada);
- (d) tarikh permohonan, dan permintaan rasmi bagi penyenaiaan, dengan menyatakan amaun, kelas dan nilai par (jika ada) sekuriti yang dicadangkan bagi penyenaiaan dan sama ada sekuriti itu telah dibayar sepenuhnya; dan
- (e) mata wang yang sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut harga. Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, suatu pernyataan sama ada kelulusan daripada Bank Negara Malaysia telah diperoleh.

Bahagian B

Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaiaan bagi penyenaiaan utama dan kedua
(perenggan 3.1(b) dan 6.1(b))

- (1) Pemohon mesti memfailkan dokumen yang berikut bagi menyokong permohonan penyenaiaan:
 - (a) pengesahan bahawa ia dapat mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaiaan, jika berkenaan, selagi pematuhan itu tidak melanggar undang-undang tempat pemerbadanan;
 - (b) jika pemohon tidak dapat mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaiaan, suatu laporan daripada penasihat undang-undang bebas yang menerangkan mengapa pematuhan peruntukan Kehendak-Kehendak Penyenaiaan yang berkenaan akan melanggar undang-undang tempat pemerbadanan;
 - (c) sebagai tambahan, bagi pemerbadanan asing, salinan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah Penggal 1 Bahagian V Akta Syarikat;
 - (d) salinan setiap perlembagaan, surat ikatan amanah atau dokumen konstituen lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan semua pindaan terkini termasuk pindaan untuk memasukkan piawaian tadbir urus korporat, pemegang syer dan perlindungan kepentingan minoriti dan peraturan mengenai pengambilalihan dan percantuman yang setara dengan yang diperuntukkan di Malaysia dalam hal jika undang-undang tempat pemerbadanan tidak mempunyai piawaian yang diperlukan berserta dengan perbandingan piawaian itu yang diperuntukkan dalam undang-undang tempat pemerbadanan dengan yang diperuntukkan di Malaysia, jika berkenaan;
 - (e) salinan setiap notis pendaftaran/perakuan pemerbadanan, perakuan pertukaran status dan perakuan pertukaran nama, jika ada;

Lampiran PN24-A
Permohonan penyenaian bagi penyenaian utama/kedua

-
- (f) salinan prospektus yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan atau jika ini tidak tersedia, satu salinan draf prospektus yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (g) salinan spesimen setiap denominasi perakuan kelas yang akan disenaraikan. Sekiranya pejabat pemindahan dan pendaftar dikekalkan di lebih dari satu tempat, satu spesimen bagi setiap denominasi perakuan yang digunakan di setiap pejabat;
 - (h) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-B, Lampiran PN23-B atau Lampiran PN23-F, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemohon berserta dengan cabutan sebenar terperaku mengenai ketetapan lembaga pengarah pemohon yang memberi kuasa kepada penandatanganan itu;
 - (i) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-C, Lampiran PN23-C atau Lampiran PN23-G, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah pemohon;
 - (j) surat dalam bentuk Lampiran PN21-D, Lampiran PN23-D atau Lampiran PN23-H, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah bebas pemohon, jika berkenaan;
 - (k) surat daripada Penasihat Utama pemohon yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperolehi;
 - (l) salinan setiap surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan; dan
 - (m) cadangan tentang pengklasifikasian pemohon dalam sektor khusus dalam bentuk yang ditetapkan.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan atau tersedia dalam apa-apa hal, pemohon mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menerangkan mengapa dokumen itu tidak berkenaan atau tersedia.

Bahagian C**Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan sebut harga**

(perenggan 6.2(a))

- (1) Salinan penyata terkini pengumpulan yang difailkan dengan Pendaftar atau berhubung dengan perbadanan asing, salinan dokumen yang menunjukkan modalnya yang terkini diterbitkan dan berbayar yang difailkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan menurut undang-undang tempat pemerbadanan atau sekiranya dokumen itu tidak dikehendaki untuk difailkan menurut undang-undang yang berkenaan, pengesahan daripada perbadanan asing mengenai modalnya yang terkini diterbitkan dan berbayar.
- (2) Aku janji bahawa semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemohon yang berjaya sebelum tarikh penyenaian dan sebut harga sekuriti.
- (3) Pengesahan daripada Depositori mengenai penerimaan maklumat pengumpulan bagi pengkreditan sekuriti.
- (4) Cek yang dikeluarkan utk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaian yang kena dibayar.

**Lampiran PN24-A
Permohonan penyenaiaan bagi penyenaiaan utama/kedua**

- (5) Jika moratorium dikenakan pada penjualan sekuriti, maklumat yang berikut mengenai moratorium:
- (a) nama pemegang sekuriti;
 - (b) bilangan sekuriti;
 - (c) tarikh luput moratorium; dan
 - (d) pengesahan bahawa maklumat di atas telah dikemukakan kepada Depositori.
- (6) Pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa semua syarat termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaiaan dan sebut harga sekuriti dipenuhi.
- (7) Dokumen yang berkenaan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN24-A yang tidak dikemukakan.
- (8) Pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga sekuriti pemohon, termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang.
- (9) Pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa sekuriti baharu mempunyai kedudukan pari passu dalam semua aspek antara satu sama lain.

[Lampiran Tamat]